

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXIII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB. MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD**

7. Berapa banyakkah JMB yang telah di ambil tindakan selaras dengan Seksyen 86(1) (b) Akta 757 di bawah pencukaian bangunan?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. Seksyen 86(1)(b) Akta Pengurusan Strata (Akta 757) merujuk kepada pelantikan ejen pengurusan oleh Pesuruhjaya yang menyebut:-

"Jika selepas siasatan sewajarnya dijalankan oleh Pesuruhjaya atau seseorang yang dilantik olehnya berdasarkan suatu aduan yang dibuat kepada Pesuruhjaya oleh seseorang pembeli atau pemilik atau mana-mana orang atau badan yang lain yang mempunyai kepentingan dalam suatu petak, yang berdaftar atau selainnya, Pesuruhjaya berpuas hati bahawa penyenggaraan dan pengurusan sesuatu bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak-petak atau mana-mana bangunan atau tanah yang dipecah bahagi dan harta bersama tidak dijalankan dengan memuaskan oleh pemaju, badan pengurusan bersama, perbadanan pengurusan atau perbadanan pengurusan subsidiari, mengikut mana-mana yang berkenaan"

Sehubungan dengan itu, Seksyen 86(1)(b) adalah berkaitan dengan pelantikan ejen pengurusan oleh Pesuruhjaya Bangunan (COB) di kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sehingga tarikh berakhir 29 Februari 2020, COB Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah membuat pelantikan sebanyak empat (4) ejen pengurusan COB bagi skim perumahan rumah kos rendah berstrata

di bawah Seksyen 86(1). COB MBSP pula mempunyai perancangan untuk melaksanakan pelantikan tersebut bermula pada tahun ini.